

14 APR 2002

Mahathir-Mahram

PERDANA MENTERI SETUJU HUKUMAN LEBIH BERAT UNTUK PERBUATAN SUMBANG MAHRAM

BANGI, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bersetuju supaya hukuman lebih berat dikenakan terhadap pelaku sumbang mahram dengan kes-kes seumpama itu dilaporkan meningkat di Malaysia sejak kebelakangan ini.

Perdana Menteri berkata masyarakat patut berasa malu dengan penglibatan sesetengah individu, khususnya orang Melayu beragama Islam, dalam perbuatan buruk itu.

"Saya bersetuju dengan hukuman yang lebih berat, (termasuk) dibawa ke khalayak ramai dan ditibai," katanya ketika menutup Kursus Perdana Generasi Wanita Prihatin anjuran Puteri Umno Malaysia di sini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata apa yang lebih penting ialah anggota masyarakat perlu dididik sejak kecil lagi supaya memiliki nilai-nilai dan pekerti mulia seperti mempunyai perasaan malu untuk melakukan perbuatan keji seumpama itu.

Negara digemparkan dengan laporan berhubung kes rogol seorang kanak-kanak perempuan yang kini berusia 12 tahun sejak 1994 apabila lima lelaki termasuk bapa, datuk dan abangnya sendiri dihadapkan ke mahkamah di Ipoh Khamis lepas untuk menghadapi tuduhan itu.

Pada majlis hari ini, Puteri Umno turut menyampaikan memorandum kepada perdana menteri bagi menyatakan tentangan pergerakan itu terhadap perbuatan sumbang mahram dan jenayah seksual terhadap wanita dan kanak-kanak.

Dr Mahathir berkata penyakit tidak tahu malu juga mungkin mendorong dua daripada tiga lelaki yang didakwa menipu Tabung Haji kelihatan ketawa dalam gambar yang tersiar dalam akhbar Sabtu lepas walaupun dalam keadaan tangan mereka bergari selepas menghadapi tuduhan itu di sebuah mahkamah di Seremban.

Seorang lagi kelihatan menutup mukanya dengan baju yang dipakai.

Dr Mahathir berkata nampaknya orang Melayu tidak dapat membendung nafsu mereka untuk melakukan kerja-kerja terkutuk daripada segi undang-undang dan agama.

"Kalau dapat kita semai perasaan malu ini serta nilai-nilai mulia yang lain, ia dapat mengurangkan kes-kes sumbang mahram selain kes dadah," katanya.

Beliau berkata pendidikan agama juga nampaknya tidak menekankan aspek baik buruk sesuatu perbuatan dan sebaliknya hanya menumpukan perhatian terhadap soal-soal akhirat.

Memorandum itu antara lain menyokong cadangan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya perogol kanak-kanak dan pelaku sumbang mahram dikenakan hukuman minimum lebih berat termasuk penambahan bilangan sebatan.

Selain menggesa penyemakan semula Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan hukuman lebih berat untuk jenayah seksual, Puteri Umno mencadangkan supaya pesalah jenayah seks diberi rawatan terperinci ketika menjalani hukuman penjara.

Puteri Umno juga mendesak kerajaan supaya memperluaskan takrif sumbang mahram untuk meliputi anak angkat yang diambil secara sah dan mereka yang diamanahkan sebagai penjaga.

Dalam ucapannya yang berkisar, antara lain, tentang pentingnya peranan wanita dan generasi muda dalam kemajuan bangsa dan negara, Dr Mahathir berkata golongan berkenaan boleh membantu menyemai budaya dan nilai yang baik seperti rajin bekerja, amanah, tahu malu dan tidak mudah dipengaruhi

nafsu.

-- BERNAMA
MAM MAM FAZ